

Bil. S 19

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH AKTA IMIGRESEN (PINDAAN), 2004

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 6 dari Penggal 17.
 3. Pindaan bab 15.
 4. Pindaan bab 38.
 5. Pindaan bab 55.
 6. Pindaan bab 55A.
 7. Pindaan Jadual kepada Penggal 4.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH AKTA IMIGRESEN (PINDAAN), 2004

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Imigresen (Pindaan), 2004.

Pindaan bab 6 dari Penggal 17.

2. Bab 6 dari Akta Imigresen, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda —

(a) dalam perenggan (a) cerai (3), dengan memotong "dan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$6,000" dari baris terakhir dan menggantikannya dengan "dan sebat tidak kurang dari 3 kali sebatan tiap-tiap satu";

(b) dengan menambah cerai baru yang berikut —

"(4) Beban untuk membuktikan bahawa seseorang itu telah memasuki Negara Brunei Darussalam tanpa melanggar cerai (1) adalah terletak pada orang itu, dan dalam sebarang pendakwaan kerana suatu kesalahan terhadap cerai (1), tidaklah perlu untuk menyatakan dalam pertuduhan tersebut tarikh, masa, tempat atau cara orang itu memasuki Negara Brunei Darussalam, atau cara perjalanan yang digunakan untuk memasukinya.".

Pindaan bab 15.

3. Bab 15 dari Akta itu adalah dipinda, dalam perenggan (b) cerai (2), dengan memotong "atau dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$6,000 atau kedua-duanya sekali" dari 2 baris terakhir dan menggantikannya dengan "dan sebat tidak kurang dari 3 kali sebatan tiap-tiap satu".

Pindaan bab 38.

4. Bab 38 dari Akta itu adalah dipinda dengan menambah cerai baru yang berikut —

"(3) Dalam sebarang kes berkenaan dengan berlakunya sebarang kesalahan terhadap Akta ini, mana-mana pegawai imigresen hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat sama seperti seorang pegawai polis di bawah Penggal XIII dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) berkaitan dengan kesalahan boleh tangkap."

Pindaan bab 55.

5. Bab 55 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1) —

- (i) dalam perenggan (a), dengan memotong "memasuki secara haram atau" dari baris pertama;
- (ii) dengan memansuhkan perenggan-perenggan kecil (i), (ii) dan (iii) dan menggantikannya dengan 4 perenggan kecil baru yang berikut —

- "(i) dalam hal suatu kesalahan terhadap perenggan (a), penjara selama suatu tempoh yang tidak kurang dari 3 bulan dan tidak melebihi dari 2 tahun dan denda tidak melebihi dari \$4,000 tiap-tiap satu;
- (ii) dalam hal suatu kesalahan terhadap perenggan (b) atau (c), penjara selama suatu tempoh yang tidak kurang dari 2 tahun dan tidak melebihi dari 7 tahun dan sebat tidak kurang dari 3 kali sebatan tiap-tiap satu;
- (iii) dalam hal suatu kesalahan terhadap perenggan (d) atau (e), penjara selama suatu tempoh yang tidak kurang dari enam bulan dan tidak melebihi dari 2 tahun dan denda tidak melebihi dari \$6,000 tiap-tiap satu;
- (iv) dalam hal suatu kesalahan terhadap perenggan (f), (g), (h), (i), (j), (k) atau (l), penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun, denda tidak melebihi dari \$4,000 atau kedua-duanya sekali."

(b) dengan memasukkan cerai baru yang berikut sejurus selepas cerai (3) —

"(3A) Jika seseorang itu melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini di mana hukuman sebat mandatori ditetapkan dan menurut bab 258 dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggagal 7) dia tidak boleh dihukum sebat, maka orang itu hendaklah, sebagai ganti sebat, apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$6,000."

Pindaan bab 55A.

6. Bab 55A dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraian {2}, dengan memasukkan "tiap-tiap satu" sejurus selepas "\$6,000" dalam baris terakhir.

Pindaan Jadual kepada Penggal 4.

7. Jadual kepada Akta Tafsiran dan Perkara-Perkara Am adalah dipinda dengan memasukkan yang berikut sejurus selepas "(Bab 38{1})" —

"Bab-bab 6{3}/a/, 15{2}/b/, 55{1}(i), (ii) dan (iii) dan 55A{2} dari Akta Imigresen (Penggagal 17).".

Diperbuat pada hari ini 20 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1424 bersamaan dengan 12 haribulan Februari, 2004 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM